

PENGAJARAN BAHASA ARAB UNTUK TUJUAN KHUSUS (ASP): PERSPEKTIF DAN IMPAK DALAM PENGAJIAN ISLAM DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (IPT) DI MALAYSIA

*Teaching Arabic for Specific Purposes (ASP): Perspectives and Impact in Islamic Studies at
Higher Education Institutions (HEIS) in Malaysia*

Rohaidi Habil

Faculty of Islamic Studies and Arabic Language, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 16010 Kota Bharu, Malaysia

Corresponding author e-mail:
rohaidi@kias.edu.my

Received: 12-11-2024
Accepted: 19-12-2024
Published: 28-10-2025

How to Cite:

Habil, R. (2025). Pengajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Khusus (ASP): Perspektif Dan Impak Dalam Pengajian Islam Di Institut Pengajian Tinggi (Ipt) Di Malaysia. *Jurnal DirasatICA: Jurnal Pengajian Islam Kontemporari*, 1(1), 34-45.

ABSTRACT

This study explores the teaching of Arabic for Specific Purposes (ASP) within Islamic studies programs at higher education institutions (HEIs) in Malaysia. It focuses on the significance of ASP, the challenges faced in its implementation, and its impact on students' academic achievement and graduate employability. The study employs a systematic literature review and an analysis of sources related to ASP practices both locally and globally. The findings reveal that ASP plays a crucial role in enhancing students' understanding of primary Islamic texts, strengthening their research skills, and preparing graduates to meet the demands of the global labor market. However, several challenges were identified, including variations in students' proficiency levels, institutional limitations, and the insufficient integration of technology in teaching. The study concludes that developing a responsive ASP curriculum, providing continuous professional development for instructors, and ensuring adequate learning infrastructure are essential for the effective implementation of ASP. This article contributes to the existing body of knowledge by offering strategic recommendations to reinforce ASP as a vital component of Islamic studies education in Malaysia.

Keywords: Arabic for Specific Purposes (ASP); Islamic Studies; Higher Education Institutions (HEIs); Curriculum Development

ABSTRAK

Kajian ini meneroka Pengajaran Bahasa Arab untuk Tujuan Khusus (ASP) dalam pengajian Islam di institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia. Fokus utama kajian adalah pada kepentingan ASP, cabaran pelaksanaannya, serta impaknya terhadap pencapaian akademik dan kebolehpasaran graduan. Metodologi kajian melibatkan analisis literatur sistematik dan tinjauan terhadap bahan rujukan berkaitan pelaksanaan ASP di peringkat tempatan dan global. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ASP memainkan peranan penting dalam meningkatkan penguasaan pelajar terhadap teks sumber utama Islam, memperkukuhkan kemahiran penyelidikan, dan menyediakan graduan untuk memenuhi keperluan pasaran kerja global. Namun, kajian ini turut mengenal pasti cabaran seperti jurang tahap kemahiran pelajar, kekangan institusi, dan kurangnya integrasi teknologi dalam pengajaran. Kajian ini menyimpulkan bahawa pembangunan kurikulum ASP yang responsif, latihan profesional berterusan untuk tenaga pengajar, dan penyediaan infrastruktur pembelajaran yang mencukupi merupakan kunci kejayaan pelaksanaan ASP. Artikel ini menyumbang kepada khazanah ilmu dengan memberikan panduan strategik untuk memperkukuh ASP sebagai elemen penting dalam pendidikan pengajian Islam di Malaysia.

Kata Kunci: Pengajaran Bahasa Arab Tujuan Khusus (ASP); Pengajian Islam; Institut Pengajian Tinggi (IPT); Pembangunan Kurikulum.

1. Pendahuluan

Bahasa Arab merupakan bahasa yang tidak dapat dipisahkan daripada pengajian Islam kerana ia merupakan bahasa al-Quran, hadis dan warisan keilmuan Islam. Penguasaan bahasa Arab yang mantap membolehkan pelajar pengajian Islam membuat capaian dan memahami sumber-sumber primer agama secara langsung, tanpa bergantung kepada terjemahan yang mungkin tidak dapat menyampaikan kedalaman makna dan nuansa bahasa asal. Dalam konteks akademik dan profesional, kemahiran bahasa Arab membolehkan pelajar menjalankan penyelidikan yang mendalam, menghasilkan penulisan akademik yang berkualiti, dan berkomunikasi dengan berkesan dalam bidang tersebut.

Walau bagaimanapun, pendekatan pengajaran bahasa Arab konvensional yang bersifat umum didapati kurang berkesan dalam memenuhi keperluan khusus pelajar pengajian Islam terutama di peringkat pengajian tinggi. Hal ini telah mendorong kepada evolusi dalam kaedah pengajaran bahasa Arab dengan memberi tumpuan kepada Pengajaran Bahasa Arab untuk Tujuan Khusus (*Arabic for Specific Purposes* - ASP). Pendekatan ASP menekankan pengajaran bahasa Arab yang disesuaikan dengan keperluan spesifik bidang pengajian Islam, termasuk penguasaan istilah teknikal, pemahaman teks klasik, dan kemahiran komunikasi dalam konteks akademik dan profesional (Mauidlotun Nisa & Syamsul Arifin, 2020).

Dalam era globalisasi yang semakin mencabar, pendekatan ASP menjadi semakin relevan dan penting dalam pembangunan modal insan yang berkualiti di institusi pengajian tinggi Malaysia. Pendekatan ini bukan sahaja membantu meningkatkan kecekapan bahasa pelajar, tetapi juga mempersiapkan mereka dengan kemahiran yang diperlukan untuk berdaya saing dalam pasaran kerja global. ASP membolehkan graduan pengajian Islam menguasai bahasa Arab dalam konteks yang lebih bermakna dan praktikal, seterusnya membolehkan mereka menyumbang secara efektif dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, penyelidikan, pentadbiran hal ehwal Islam, dan bidang profesional yang berkaitan dengan pengajian Islam.

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji secara komprehensif pengajaran bahasa Arab untuk tujuan khusus (ASP) dalam konteks pengajian Islam di institusi pengajian tinggi Malaysia dengan memberi tumpuan kepada empat aspek utama: menjelaskan kepentingan dan kesesuaian ASP dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab untuk pelajar pengajian Islam, menganalisis keperluan dan cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan program ASP di peringkat institusi pengajian tinggi, menilai impak pengajaran ASP terhadap pencapaian akademik pelajar dalam bidang pengajian Islam, serta merangka dan mencadangkan kursus-kursus ASP yang merangkumi objektif dan kandungan yang relevan dengan keperluan pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan khusus dalam kalangan pelajar pengajian Islam.

2. Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini ialah Kajian Literatur Sistematis di mana kajian dilakukan melalui analisis kajian-kajian terdahulu tentang ASP di Malaysia dan juga negara lain untuk mendapatkan konteks yang lebih luas. Kajian ini mengkaji secara mendalam terhadap bahan rujukan berkaitan Bahasa Arab Untuk Tujuan Khusus (ASP), termasuk jurnal, buku, dan laporan akademik yang meneliti pelaksanaan ASP. Fokus diberikan kepada pengenalan ASP, kepentingan, cabaran dan impaknya dalam konteks pengajian Islam di Malaysia.

3. Pengenalan Istilah Pengajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Khusus (ASP)

Menurut Soleh Sabu'iy (2020) istilah Pengajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Khusus (ASP) mula diperkenalkan pada awal tahun 1960-an seiring dengan kemunculan istilah pengajaran bahasa untuk tujuan umum. Kemunculan istilah ini adalah berdasarkan kesedaran bahawa program pengajaran bahasa untuk tujuan umum tidak dapat memenuhi keperluan pelajar atau pekerja dalam sektor dan bidang pengkhususan tertentu yang memerlukan pengetahuan bahasa khusus berkaitan dengan pengkhususan mereka. Para pelajar dan profesional memerlukan penguasaan bahasa yang lebih fokus dan mendalam dalam bidang pengkhususan masing-masing berbanding penguasaan bahasa secara umum sahaja.

Pengajaran ASP mempunyai ciri-ciri tersendiri yang membezakannya dengan pengajaran bahasa Arab untuk tujuan umum. Antaranya, ASP direka khusus untuk memenuhi keperluan pelajar dalam bidang akademik atau profesional tertentu, kandungannya lebih fokus kepada istilah dan struktur bahasa dalam bidang pengkhususan, dan memerlukan pengetahuan asas bahasa Arab sebelum mengikuti program ini. Program ini juga biasanya ditawarkan untuk tahap pertengahan dan lanjutan, bukan untuk tahap asas pembelajaran bahasa. ASP memberi penekanan kepada kemahiran bahasa yang diperlukan dalam konteks pengkhususan seperti membaca teks akademik, menulis laporan teknikal, atau berkomunikasi dalam situasi profesional tertentu.

4. Sejarah ASP di Malaysia

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Mauidlotun Nisa & Syamsul Arifin (2020) pengajaran Bahasa Arab untuk Tujuan Khusus (ASP) di Malaysia telah berkembang lebih pesat berbanding Indonesia. Perkembangan ini didorong oleh perintah kerajaan Malaysia yang mewajibkan institusi Islam mengajarkan bahasa Arab pada tahap rendah dan menengah. Hal ini kerana kerajaan Malaysia menginginkan para pelajar mereka memiliki daya saing dan kemahiran yang sesuai dengan tuntutan masyarakat global.

Menurut mereka lagi, kajian tentang ASP di Malaysia telah dimulai sejak tahun 1988, ditandai dengan penelitian Abdul Rahman Chik yang merupakan peneliti pertama yang mengkaji metode pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan khusus di Malaysia. Penelitiannya berfokus pada pengajaran bahasa Arab untuk mahasiswa fakulti undang-undang dan ekonomi di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Setelah itu, muncul beberapa kajian penting lainnya seperti penelitian Nadwah Binti Dawud (1988) tentang pengajaran bahasa Arab untuk ilmu fikah, Muhammad Abdul Kalam Azad tentang pengajaran bahasa Arab untuk ilmu akidah, dan Lazim bin Umar (1999) yang menganalisis keperluan pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan khusus di Malaysia.

Perkembangan ASP di Malaysia terus berlanjut hingga tahun 2000-an dengan munculnya kajian-kajian baru seperti penelitian Abdul Halim bin Shalih (2005) tentang pembelajaran bahasa Arab untuk jemaah haji dan umrah, Islam Yasri (2008) tentang pengajaran bahasa Arab untuk tujuan diplomatik, dan Najmiyyah Dawud (2009) tentang pengajaran bahasa Arab untuk bidang ekonomi. Kemajuan ASP di Malaysia juga ditandai dengan dibukanya program *Master of Arts Teaching Arabic for Specific Purposes* di UIAM yang dirancang untuk memenuhi keperluan pembelajaran bahasa Arab dalam bidang khusus seperti perniagaan, pelancongan, perubatan, haji dan umrah.

5. Kepentingan Dan Relevansi Pengajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Khusus (ASP)

Pengajaran bahasa Arab untuk tujuan khusus (ASP) memainkan peranan yang sangat penting dalam landskap pendidikan tinggi Islam di Malaysia. Kepentingan ini dapat dilihat dari beberapa perspektif utama yang saling berkaitan dan memberi impak signifikan kepada perkembangan akademik dan profesional pelajar.

5.1 Pemahaman Sumber Primer Pengajian Islam.

Kepentingan utama pengajaran ASP terletak pada keperluannya dalam memahami sumber-sumber primer pengajian Islam. Al-Quran, hadis dan kitab-kitab klasik yang merupakan rujukan asas dalam pengajian Islam ditulis dalam bahasa Arab. Penguasaan bahasa Arab yang khusus untuk bidang pengajian Islam membolehkan pelajar membuat capaian dan memahami teks-teks ini secara langsung, tanpa bergantung sepenuhnya kepada terjemahan. Ini penting kerana banyak konsep dan istilah dalam pengajian Islam mempunyai makna yang kompleks dan nuansa yang halus yang mungkin hilang dalam terjemahan.

5.2 Pembangunan Profesional dan Akademik

ASP memainkan peranan kritikal dalam pembangunan profesional dengan melahirkan graduan yang memiliki kemahiran tinggi dalam bidang pengkhususan masing-masing. Hal ini amat penting memandangkan graduan pengajian Islam kini diperlukan untuk berkhidmat dalam pelbagai sektor seperti pendidikan, perundangan Islam, pentadbiran hal ehwal Islam, dan penyelidikan akademik yang memerlukan penguasaan bahasa Arab secara khusus dan mendalam.

Penguasaan bahasa Arab secara khusus melalui ASP dapat membantu graduan dalam beberapa aspek penting:

- i. Menjalankan aktiviti penyelidikan akademik dengan menggunakan sumber-sumber rujukan dalam bahasa Arab secara efektif
- ii. Berkomunikasi dan berinteraksi dengan pakar-pakar antarabangsa dalam bidang pengajian Islam
- iii. Menghasilkan penulisan dan karya akademik yang berkualiti tinggi dalam bahasa Arab
- iv. Memahami dengan tepat dan mengaplikasikan istilah-istilah teknikal khusus dalam bidang pengkhususan mereka

Pendekatan ASP ini membolehkan graduan menguasai bahasa Arab secara lebih fokus dan berkesan sesuai dengan keperluan bidang profesional masing-masing, seterusnya meningkatkan kualiti dan kebolehpasaran mereka dalam pasaran kerja.

5.3 Pemeliharaan dan Pengembangan Ilmu Islam

Pengajaran Bahasa Arab untuk Tujuan Khusus (ASP) memainkan peranan yang sangat penting dalam usaha pemeliharaan dan pengembangan ilmu Islam di Malaysia. Sebagai sebuah negara Islam yang progresif dan maju, Malaysia memerlukan pakar-pakar yang berkemahiran tinggi dalam bahasa Arab untuk memastikan kesinambungan dan perkembangan ilmu Islam.

Melalui penguasaan bahasa Arab yang mendalam menerusi ASP, para pakar dapat melaksanakan peranan penting dalam beberapa aspek utama:

- i. Menjalankan aktiviti penterjemahan dan adaptasi karya-karya penting dalam pengajian Islam ke dalam bahasa tempatan
- ii. Menerajui dan mengembangkan penyelidikan dalam pelbagai bidang pengajian Islam
- iii. Memberikan sumbangan bermakna dalam perbincangan dan dialog akademik di peringkat antarabangsa
- iv. Memastikan kelangsungan warisan intelektual Islam melalui penguasaan bahasa Arab yang komprehensif

Pendekatan ASP ini bukan sahaja penting untuk melahirkan pakar-pakar yang berkebolehan tinggi, tetapi juga memastikan Malaysia terus maju dalam bidang pengajian dan pemikiran Islam melalui pengembangan dan pemeliharaan khazanah ilmu Islam.

5.4 Keperluan Pasaran Kerja Global

Pengajaran bahasa untuk tujuan khusus (ESP) memainkan peranan penting dalam meningkatkan kebolehpasaran pelajar di pasaran kerja global (Simonsen, 2022). Kursus ESP direka untuk memenuhi keperluan bahasa khusus dalam konteks profesional, membolehkan pelajar menguasai kemahiran komunikasi yang diperlukan dalam bidang kerjaya mereka. Ini termasuk penguasaan perbendaharaan kata teknikal dan struktur bahasa yang relevan dengan situasi kerja yang disasarkan. Dengan menyediakan pelajar dengan kemahiran bahasa yang khusus, mereka lebih bersedia untuk menghadapi cabaran dalam pekerjaan mereka dan dapat berfungsi dengan lebih berkesan dalam persekitaran kerja yang pelbagai.

Menurut Md Noor et al. (2014) usaha mewujudkan modal insan yang kondusif dari segi akhlak dan kemahiran yang khusus memang patut dipikul oleh IPT di Malaysia. Hal ini kerana IPT ini memang mempunyai misi, visi dan kaedah yang khusus untuk memastikan lahirnya modal insan dan kebolehpasaran graduan IPT Islam yang sangat diperlukan untuk konteks dunia masa kini. Dalam hal ini, ASP turut memainkan peranan strategik dalam melahirkan modal insan yang berkualiti untuk memenuhi keperluan pasaran kerja global, khususnya di negara-negara Islam yang memerlukan kepakaran dalam bidang pengajian Islam yang disertai dengan kemahiran berbahasa Arab. Kepentingan ini menjadi semakin relevan dalam era globalisasi yang mencabar.

Graduan yang menguasai bahasa Arab melalui ASP mempunyai kelebihan dalam pelbagai bidang kerjaya antarabangsa seperti:

- i. Merebut peluang pekerjaan di institusi-institusi Islam bertaraf antarabangsa
- ii. Menceburi kerjaya dalam bidang diplomasi dan hubungan antarabangsa
- iii. Berkecimpung dalam bidang penterjemahan dan interpretasi khusus
- iv. Berkhidmat dalam sektor perbankan dan kewangan Islam yang semakin berkembang

Pendekatan ASP yang berfokus pada keperluan khusus ini memberi nilai tambah kepada graduan untuk bersaing dalam pasaran kerja global yang semakin kompetitif, terutamanya dalam sektor-sektor yang memerlukan kepakaran bahasa Arab bersama kemahiran profesional dalam bidang pengkhususan masing-masing.

5.5 Integrasi dengan Teknologi Moden

Dalam era digital ini, kepentingan ASP dapat dilihat melalui integrasinya dengan teknologi moden. Satu kajian awal keperluan platform bahan pembelajaran bahasa Arab interaktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah dilakukan. Kajian mendapati responden sangat optimis dengan platform digital ini. Ia bakal memberi impak yang signifikan kepada para pelajar, pensyarah, dan kepada USIM secara menyeluruh (Baharum et al., 2023). Dengan kata lain, program ASP yang berkesan perlu mengambil kira perkembangan teknologi terkini dalam pelbagai aspek pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Integrasi teknologi ini melibatkan beberapa elemen penting:

- i. Penggunaan sumber digital dan pangkalan data dalam bahasa Arab yang komprehensif
- ii. Pembangunan aplikasi dan perisian pembelajaran bahasa Arab yang direka khusus untuk tujuan tertentu
- iii. Penyediaan capaian kepada bahan-bahan pembelajaran dalam talian yang berkualiti
- iv. Penggunaan alat-alat pembelajaran digital yang berkesan untuk meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran

Kesimpulannya, kepentingan dan relevansi ASP dalam konteks pengajian Islam di institusi pengajian tinggi Malaysia tidak dapat dipertikaikan lagi. Program ini bukan sahaja penting untuk pembangunan akademik dan profesional pelajar, tetapi juga amat kritikal dalam memastikan kelangsungan dan perkembangan pengajian Islam di Malaysia. Justeru, pengajian ASP perlu terus diperkukuh dan dipertingkatkan seiring dengan keperluan semasa dan cabaran masa hadapan yang dihadapi oleh pelajar pengajian Islam.

6. Keperluan Khusus Pelajar Pengajian Islam Dalam Pengajaran ASP

Beberapa keperluan khusus yang diperlukan dalam pengajaran ASP di IPT di Malaysia. Antaranya:

6.1 Keperluan Kurikulum dan Silibus

Program ASP di institusi pengajian tinggi Malaysia memerlukan pembangunan kurikulum dan silibus yang komprehensif dan relevan untuk memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Aspek utama yang perlu diberi perhatian adalah pengintegrasian kemahiran bahasa Arab dengan kandungan pengajian Islam secara sistematik dan bermakna. Ini memerlukan pembangunan modul pembelajaran yang berstruktur dan tersusun yang dapat memenuhi keperluan pelajar dalam bidang

pengajian Islam. Silibus yang dibangunkan perlu mempunyai hasil pembelajaran yang jelas dan boleh diukur untuk memudahkan penilaian pencapaian pelajar. Di samping itu, perancangan aktiviti pembelajaran yang strategik dan berkesan perlu dilaksanakan untuk menyokong pencapaian objektif kursus. Aktiviti-aktiviti ini perlu direka bentuk untuk membolehkan pelajar menguasai bahasa Arab dalam konteks pengajian Islam mereka, sambil membangunkan kemahiran bahasa yang diperlukan untuk kejayaan akademik dan profesional mereka. Keseluruhan pembangunan kurikulum ini perlu mengambil kira perkembangan semasa dalam bidang pengajian Islam dan keperluan industri untuk memastikan graduan yang dilahirkan memenuhi keperluan pasaran kerja dan mampu menyumbang secara berkesan dalam bidang pengkhususan mereka (Kisno Umbar et al., 2024).

6.2 Keperluan Infrastruktur dan Sumber

Antara lain, pelaksanaan program ASP di IPT di Malaysia juga memerlukan penyediaan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran digital yang interaktif sebagai keperluan utama untuk menarik minat pelajar dan memudahkan pemahaman mereka terhadap kandungan kursus. Selain itu, sokongan infrastruktur yang moden seperti makmal bahasa yang dilengkapi dengan teknologi terkini diperlukan untuk membolehkan pelajar mengasah kemahiran bahasa mereka dalam persekitaran pembelajaran yang kondusif dan interaktif. Di samping itu, perpustakaan institusi perlu dibekalkan dengan koleksi bahan rujukan bahasa Arab yang komprehensif, merangkumi pelbagai bidang pengajian Islam untuk menyokong pembelajaran dan penyelidikan pelajar. Platform pembelajaran dalam talian yang mesra pengguna juga perlu disediakan untuk memudahkan capaian kepada bahan pembelajaran dan membolehkan pembelajaran fleksibel. Kesemua infrastruktur dan sumber ini perlu diselenggara dan dikemas kini secara berkala untuk memastikan ia kekal relevan dan berkesan dalam menyokong pengajaran dan pembelajaran ASP.

6.3 Keperluan Tenaga Pengajar

Kejayaan program ASP sangat bergantung kepada kualiti dan kompetensi tenaga pengajar yang terlibat. Tenaga pengajar yang berkualiti perlu memiliki kelayakan akademik yang sesuai dalam kedua-dua bidang bahasa Arab dan pengajian Islam untuk memastikan mereka dapat menyampaikan pengajaran yang berkualiti dan mendalam. Mereka juga perlu menguasai kemahiran dalam pedagogi pengajaran bahasa untuk tujuan khusus bagi memastikan kaedah pengajaran yang digunakan adalah berkesan dan sesuai dengan keperluan pelajar. Di samping itu, tenaga pengajar perlu cekap dalam mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran untuk menjadikan proses pembelajaran lebih interaktif dan menarik. Tidak kurang pentingnya, mereka perlu memahami dengan mendalam tentang keperluan industri dan pasaran kerja semasa untuk memastikan pengajaran mereka relevan dan dapat mempersiapkan pelajar dengan kemahiran yang diperlukan oleh pasaran kerja. Kesemua aspek ini perlu diperkukuh melalui latihan dan pembangunan profesional yang berterusan untuk memastikan kualiti pengajaran ASP sentiasa berada pada tahap yang optimum (Norton, 2018).

7. Cabaran Pelaksanaan Pengajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Khusus (ASP)

Menurut Kenny dan rakan-rakannya (2020) isu-isu utama dalam pengajaran bahasa Inggeris untuk tujuan khusus (ESP) adalah berkaitan dengan pengenalpastian keperluan kumpulan pelajar tertentu dalam bidang tertentu, kemahiran dan pengetahuan bahasa yang perlu diperolehi oleh pelajar, dan bagaimana mereka boleh disokong dalam proses ini. Justeru pelaksanaan pengajaran ASP juga menghadapi beberapa cabaran, antaranya:

7.1 Cabaran Akademik

Pelaksanaan program Pengajaran ASP di IPT menghadapi cabaran akademik yang signifikan, terutamanya dalam menangani kepelbagaian tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Perbezaan latar belakang pendidikan pelajar mewujudkan jurang yang ketara dalam tahap penguasaan bahasa, di mana sesetengah pelajar mungkin telah mempunyai asas yang kukuh dalam bahasa Arab manakala yang lain mungkin hanya mempunyai pengetahuan asas yang minimum. Jurang kemahiran ini turut memberi cabaran kepada pensyarah dalam merancang dan melaksanakan pengajaran yang dapat memenuhi keperluan pembelajaran yang berbeza-beza. Di samping itu, tahap motivasi yang pelbagai dalam kalangan pelajar turut menambah kompleksiti dalam proses pengajaran dan pembelajaran, di mana pensyarah perlu mencari pendekatan yang sesuai untuk mengekalkan minat dan komitmen pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab (Baştürkmen & Bocanegra-Valle, 2018).

Cabaran akademik lain yang dihadapi dalam pelaksanaan ASP adalah berkaitan dengan kekurangan bahan pengajaran yang sesuai. Institusi pengajian tinggi menghadapi kesukaran dalam mendapatkan bahan pengajaran yang sesuai dengan konteks tempatan Malaysia, yang mengambil kira keperluan dan realiti pembelajaran bahasa Arab dalam persekitaran tempatan. Ini menyebabkan keperluan untuk mengadaptasi bahan dari sumber luar, yang memerlukan masa, tenaga dan kepakaran. Kos pembangunan bahan pengajaran yang tinggi turut menjadi halangan, terutamanya dalam menghasilkan bahan-bahan yang berkualiti dan interaktif. Tambahan pula, keperluan untuk mengemaskini bahan secara berkala bagi memastikan ia kekal relevan

dan terkini menambah beban kewangan dan tenaga kepada institusi dan tenaga pengajar. Kesemua cabaran ini memerlukan pendekatan strategik dan peruntukan sumber yang mencukupi untuk mengatasinya dengan berkesan.

7.2 Cabaran Institusi

Institusi pengajian tinggi di Malaysia berhadapan dengan cabaran yang signifikan dalam pelaksanaan program Pengajaran Bahasa Arab untuk Tujuan Khusus (ASP), terutamanya dari segi kekangan masa dan sumber. Peruntukan masa yang terhad dalam kurikulum sering menjadi halangan utama dalam memastikan pelajar dapat menguasai bahasa Arab dengan berkesan untuk tujuan pengajian Islam mereka. Kekangan ini diburukkan lagi dengan kekurangan sumber kewangan untuk pembangunan program, yang menghadkan keupayaan institusi untuk menyediakan bahan dan kemudahan pembelajaran yang optimum. Kesukaran dalam mengekalkan nisbah pensyarah-pelajar yang ideal turut memberi impak kepada kualiti pengajaran dan pembelajaran, di mana bilangan pelajar yang ramai dalam satu kelas boleh mengurangkan keberkesanan pengajaran individu. Limitasi ruang dan kemudahan fizikal pula menghadkan keupayaan institusi untuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan sesuai untuk pengajaran bahasa.

Cabaran institusi yang kedua pula berkait rapat dengan aspek pembangunan profesional tenaga pengajar ASP. Keperluan untuk menjalankan latihan berterusan bagi tenaga pengajar merupakan satu keperluan yang kritikal untuk memastikan kualiti pengajaran yang tinggi, namun ia memerlukan peruntukan kewangan yang besar. Kos penghantaran staf untuk latihan khusus, terutamanya yang melibatkan kepakaran dari luar negara, sering menjadi halangan kepada pembangunan profesional yang berterusan. Institusi juga menghadapi kesukaran dalam mendapatkan pakar dalam bidang ASP yang berkualiti dan berpengalaman untuk melatih tenaga pengajar sedia ada. Di samping itu, cabaran untuk mengekalkan kualiti pengajaran yang konsisten dalam kalangan semua tenaga pengajar memerlukan sistem pemantauan dan sokongan yang berterusan, yang turut memerlukan peruntukan sumber yang signifikan (Arif & Zaman, 2024).

7.3 Cabaran Teknologi

Teknologi telah lama memainkan peranan utama dalam pengajaran bahasa Inggeris untuk tujuan khusus (ESP) dalam dua cara yang berbeza. Pertama, sebagai alat untuk membantu dengan jenis pembelajaran bahasa tradisional dan, kedua, sebagai ruang untuk mencipta bentuk komunikasi baharu (Bloch, 2013). Namun demikian, Integrasi teknologi dalam pelaksanaan ASP di IPT Malaysia menghadapi cabaran yang kompleks dari segi infrastruktur dan pembangunan kemahiran. Kos pelaburan yang tinggi dalam infrastruktur teknologi menjadi halangan utama bagi kebanyakan institusi untuk menyediakan kemudahan pembelajaran digital yang lengkap dan terkini. Cabaran ini dirumitkan lagi dengan keperluan untuk memastikan para pensyarah mempunyai kemahiran digital yang mencukupi untuk menggunakan teknologi dalam pengajaran mereka secara berkesan. Kesukaran dalam mengikuti perkembangan teknologi yang pesat turut menuntut komitmen berterusan dari institusi dan pensyarah untuk sentiasa mengemaskini pengetahuan dan kemahiran mereka. Selain itu, isu keselamatan dan hak peribadi dalam pembelajaran digital perlu ditangani dengan teliti untuk melindungi data dan maklumat sensitif semua pihak yang terlibat dalam proses pembelajaran.

Pelaksanaan pembelajaran dalam talian untuk program ASP turut berhadapan dengan cabaran yang memerlukan perhatian khusus dan penyelesaian strategik. Tahap kesiediaan pelajar untuk pembelajaran digital masih menjadi isu utama, di mana tidak semua pelajar mempunyai capaian kepada peranti dan kemudahan internet yang mencukupi untuk mengikuti pembelajaran dalam talian secara berkesan. Kualiti interaksi dalam persekitaran maya juga menjadi kebimbangan, terutamanya dalam pembelajaran bahasa yang memerlukan komunikasi aktif dan maklum balas segera. Masalah teknikal seperti gangguan sambungan internet boleh mengganggu kelancaran proses pembelajaran, manakala cabaran dalam menilai keberkesanan pembelajaran dalam talian memerlukan pembangunan kaedah penilaian yang lebih inovatif dan berkesan untuk mengukur pencapaian pelajar secara menyeluruh.

7.4 Cabaran Industri dan Pasaran

Antara cabaran lain program Pengajaran ASP di IPT Malaysia ialah memastikan keselarasan dengan keperluan industri dan pasaran kerja semasa. Program ini perlu sentiasa peka dan responsif terhadap perubahan keperluan pasaran kerja yang dinamik, di mana kemahiran bahasa Arab yang diperlukan oleh industri sentiasa berkembang dan berubah mengikut peredaran masa. Harapan majikan terhadap graduan juga semakin meningkat, di mana mereka bukan sahaja memerlukan graduan yang mahir dalam bahasa Arab, tetapi juga mampu mengaplikasikan kemahiran tersebut dalam konteks kerja yang spesifik. Di samping itu, keperluan kemahiran bahasa yang spesifik untuk setiap bidang pengkhususan dalam pengajian Islam memerlukan program ASP untuk membangunkan kurikulum yang dapat memenuhi keperluan khusus ini. Program ini juga perlu sentiasa mengikuti perkembangan terkini dalam bidang pengajian Islam untuk memastikan graduan yang dihasilkan kekal relevan dan berdaya saing dalam pasaran kerja yang semakin mencabar.

8. Impak Pengajaran ASP Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran

Pelaksanaan program ASP di institusi pengajian tinggi Malaysia membawa impak terhadap proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Antara impak pengajaran ASP tersebut ialah keberkesanan pengajaran, peningkatan pencapaian akademik seperti peningkatan prestasi akademik, kemahiran penyelidikan dan pembangunan kompetensi profesional pelajar di IPT Malaysia. Pengajaran ASP juga mempunyai impak terhadap motivasi dan keterlibatan pelajar.

8.1 Keberkesanan Pengajaran

Pengajaran ASP akan membawa pembaharuan yang signifikan dalam aspek keberkesanan pengajaran di institusi pengajian tinggi Malaysia. Program ini dapat mendorong penggunaan pendekatan pengajaran yang lebih fokus dan berkesan, di mana pensyarah dapat merancang dan melaksanakan pengajaran yang lebih terarah kepada keperluan spesifik pelajar dalam bidang pengajian Islam. Integrasi teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran boleh menjadikan proses pembelajaran lebih dinamik dan interaktif, menjadikan penyampaian kandungan yang lebih berkesan dan menarik. ASP juga boleh membawa kepada penambahbaikan dalam sistem penilaian dan maklum balas, di mana pensyarah dapat menilai pencapaian pelajar dengan lebih tepat dan memberikan maklum balas yang lebih konstruktif untuk penambahbaikan pembelajaran (Norton, 2018).

Impak pengajaran ASP terhadap pencapaian akademik pelajar dalam bidang pengajian Islam adalah pelbagai dan mendalam. Ia bukan sahaja memberi kesan positif terhadap prestasi akademik, tetapi juga membentuk asas yang kukuh untuk pembangunan profesional dan kerjaya graduan. Walau bagaimanapun, pemantauan dan penambahbaikan berterusan adalah penting untuk memastikan keberkesanan program ASP dalam mencapai objektifnya. Oleh itu, ASP memerlukan tuntutan tambahan kepada guru dan pembangun kursus untuk menyiasat keperluan dan mereka bentuk kursus yang mungkin hanya berjalan untuk masa yang agak singkat (Basturkmen, 2010).

8.2 Peningkatan Prestasi Akademik

ASP di IPT Malaysia akan menunjukkan impak yang signifikan dalam meningkatkan prestasi akademik pelajar, khususnya dalam pemahaman mereka terhadap subjek-subjek teras pengajian Islam. Pelajar yang mengikuti program ASP menunjukkan peningkatan ketara dalam pemahaman mereka terhadap pengajian al-Quran dan hadis, yang mana mereka dapat memahami dan menginterpretasi teks-teks suci dengan lebih mendalam dan tepat. Keupayaan mereka dalam menganalisis teks-teks klasik juga telah meningkat secara ketara, membolehkan mereka mendalami karya-karya ulama silam dengan lebih berkesan. Program ini juga telah membantu pelajar menguasai istilah dan konsep pengajian Islam dengan lebih tepat dan komprehensif, seterusnya meningkatkan kefahaman mereka dalam pelbagai aspek pengajian Islam.

8.3 Peningkatan Kemahiran Penyelidikan

Menurut Abdul Rahman Chik & Tg. Ainul Farha Tg. Abdul Rahman (2012), penilaian pengajaran bahasa Arab kepada bukan penutur asli dianggap sebagai alat biasa dalam bidang pengajaran bahasa Arab dan ia dianggap paling popular di kalangan penyelidik dan penilai, seperti yang terdapat dalam banyak kajian dan penyelidikan yang dilakukan di negara-negara Arab dan Islam. Justeru ASP juga turut memberikan impak yang signifikan terhadap pembangunan kemahiran penyelidikan pelajar pengajian Islam di institusi pengajian tinggi Malaysia. Program ini boleh meningkatkan keupayaan pelajar untuk membuat capaian dan menganalisis sumber primer dalam bahasa Arab dengan lebih berkesan untuk mendalami karya-karya asli tanpa bergantung sepenuhnya kepada terjemahan. Kemahiran pelajar dalam mencari dan menilai maklumat dari pelbagai sumber Arab juga akan bertambah baik, membolehkan mereka menjalankan penyelidikan yang lebih komprehensif dan mendalam. ASP turut menyumbang kepada peningkatan kualiti penulisan akademik pelajar dalam bahasa Arab, di mana mereka kini mampu menghasilkan penulisan ilmiah yang lebih berkualiti dan memenuhi standard akademik yang ditetapkan. Yang lebih penting, program ini telah berjaya membangunkan pemikiran kritis pelajar dalam konteks pengajian Islam, membolehkan mereka menganalisis dan menilai maklumat dengan lebih mendalam dan objektif, serta membina kesimpulan yang berasaskan bukti dan hujah yang kukuh.

8.4 Pembangunan Kompetensi Profesional

ASP juga memainkan peranan penting dalam pembangunan kompetensi profesional pelajar di IPT Malaysia, khususnya dalam aspek kemahiran komunikasi. Program ini apabila berjaya meningkatkan keyakinan pelajar dalam berkomunikasi menggunakan bahasa Arab akademik, membolehkan mereka berinteraksi dengan lebih berkesan dalam konteks pembelajaran dan profesional. Keupayaan pelajar dalam membentangkan idea dan hasil penyelidikan dalam bahasa Arab juga meningkat secara ketara, di mana mereka mampu menyampaikan hasil kajian mereka dengan lebih jelas dan meyakinkan. Di samping itu, kemahiran menulis

laporan dan dokumentasi profesional dalam kalangan pelajar akan menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. Program ini akan meningkatkan kemahiran pelajar dalam mengendalikan perbincangan akademik dan profesional dalam bahasa Arab, satu kemahiran yang amat penting untuk kejayaan mereka dalam bidang pengajian Islam dan kerjaya masa hadapan (Matukhin & Gorkaltseva, 2015).

Secara keseluruhannya, pengajaran bahasa untuk tujuan khusus memainkan peranan penting dalam pembangunan kompetensi profesional pelajar. Dengan mengintegrasikan kemahiran bahasa dengan komponen profesional dan kemahiran abad ke-21, pelajar dapat meningkatkan kebolehan mereka untuk berfungsi dalam persekitaran profesional yang global dan kompetitif. Ini menjadikan mereka lebih bersedia untuk menghadapi cabaran dalam pasaran kerja moden dan meningkatkan kebolehpasaran mereka.

8.5 Motivasi dan Keterlibatan Pelajar

Pelaksanaan program Pengajaran Bahasa Arab untuk Tujuan Khusus (ASP) akan mempengaruhi aspek motivasi dan keterlibatan pelajar dalam proses pembelajaran di institusi pengajian tinggi Malaysia. Satu Kajian dilakukan oleh Najib et al. (2014) terhadap 126 pelajar di tiga IPT iaitu USIM, UiTM dan KUIS yang menawarkan subjek Bahasa Arab Pelancongan untuk menganalisis sikap dan motivasi mereka terhadap modul pengajaran Bahasa Arab Pelancongan. Kajian ini mendapati peratusan tahap sikap dan motivasi terhadap modul tersebut adalah tinggi dengan peratusan sebanyak hampir 90%. Hal ini kerana program ASP mampu merangsang peningkatan minat pelajar, di mana mereka akan menunjukkan semangat dan keinginan yang lebih tinggi untuk mendalami ilmu dalam bidang ini. Ini dapat dilihat melalui penglibatan aktif pelajar dalam pelbagai aktiviti pembelajaran, sama ada dalam kelas mahupun di luar kelas. ASP juga membantu membentuk sikap yang lebih positif dalam kalangan pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab, di mana mereka tidak lagi melihat bahasa Arab sebagai satu subjek yang sukar, sebaliknya menganggapnya sebagai alat penting dalam pengajian mereka. Yang lebih membanggakan, apabila program ini berjaya meningkatkan kesedaran pelajar tentang kepentingan penguasaan bahasa Arab dalam bidang pengajian mereka, menjadikan mereka lebih bermotivasi untuk menguasai bahasa ini sebagai medium utama dalam menimba ilmu pengajian Islam.

9. Pembangunan Program ASP

Pembangunan program ASP di IPT Malaysia memerlukan perancangan yang teliti dan komprehensif untuk memastikan keberkesannya. Langkah pertama yang perlu diambil adalah mengadakan kajian keperluan yang menyeluruh untuk memahami keperluan sebenar pelajar, industri, dan institusi dalam konteks pengajaran bahasa Arab untuk pengajian Islam (Su Tsu Ting, 2022). Berdasarkan dapatan kajian ini, kurikulum yang fleksibel perlu dirancang untuk memenuhi keperluan yang dikenal pasti. Di samping itu, sistem sokongan pembelajaran yang komprehensif perlu dibangunkan untuk membantu pelajar mencapai hasil pembelajaran yang diharapkan. Integrasi teknologi secara strategik dalam program ASP juga penting untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam era digital ini.

Aspek pembangunan kapasiti juga memainkan peranan penting dalam menjayakan program ASP. Fokus utama perlu diberikan kepada peningkatan kompetensi tenaga pengajar melalui latihan dan pembangunan profesional yang berterusan. Kerjasama dengan institusi luar, terutamanya institusi yang mempunyai kepakaran dalam bidang ASP, perlu diperkukuh untuk membuka peluang perkongsian kepakaran dan pengalaman. Pembangunan rangkaian pakar dalam bidang ASP juga perlu diberi keutamaan untuk memastikan program ini mendapat sokongan kepakaran yang mencukupi. Di samping itu, penyelidikan dan inovasi dalam bidang ASP perlu digalakkan untuk memastikan program ini sentiasa relevan dan mengikuti perkembangan semasa.

Pengurusan sumber yang efisien merupakan aspek kritikal dalam pembangunan program ASP. Institusi perlu mengoptimalkan penggunaan sumber sedia ada dengan bijak dan kreatif untuk memaksimumkan impak program. Usaha untuk mencari sumber pembiayaan alternatif juga perlu dipertingkatkan untuk menambah dana pembangunan program. Pembangunan perkongsian strategik dengan pelbagai pihak berkepentingan dapat membantu dalam perkongsian sumber dan kepakaran. Penggunaan teknologi secara optimum juga dapat membantu meningkatkan keberkesanan program sambil mengurangkan kos operasi. Kesemua aspek ini perlu diuruskan dengan teliti untuk memastikan program ASP dapat dilaksanakan secara berkesan dan mapan dalam jangka Panjang.

10. Cadangan Kursus-kursus Bahasa Arab untuk Tujuan Khusus dalam Pengajian Islam

Cadangan kursus-kursus Bahasa Arab untuk Tujuan Khusus (ASP) dalam bidang pengajian Islam di institusi pengajian tinggi Malaysia perlu dirancang secara sistematik dan komprehensif untuk memenuhi keperluan spesifik pelajar dan industri. Kursus-kursus yang dicadangkan merangkumi empat komponen utama: kursus asas dan persediaan yang membina kemahiran bahasa Arab akademik, kursus pengkhususan yang fokus kepada bidang-bidang teras pengajian Islam seperti pengajian al-Quran dan hadis serta fikah dan Usul fikah, kursus lanjutan yang membangunkan kemahiran penulisan akademik dan analisis teks klasik,

serta kursus aplikasi profesional yang mempersiapkan pelajar untuk alam pekerjaan dalam pelbagai bidang seperti dakwah, komunikasi dan penyelidikan Islam kontemporari.

10.1 Kursus Asas dan Persediaan

a) BAK3013: Bahasa Arab Akademik Asas

Objektif Kursus:

- i. Memperkenalkan bahasa Arab akademik
- ii. Membina asas kemahiran bahasa untuk pengajian Islam
- iii. Mengukuhkan tatabahasa dan perbendaharaan kata asas
- iv. Membangunkan kemahiran membaca teks akademik mudah

Kandungan Kursus:

- i. Pengenalan kepada bahasa Arab akademik
- ii. Struktur ayat dan tatabahasa asas
- iii. Istilah-istilah asas dalam pengajian Islam
- iv. Kemahiran membaca dan memahami teks mudah

b) BAK3023: Kemahiran Komunikasi Arab Akademik

Objektif Kursus:

- i. Membangunkan kemahiran komunikasi akademik
- ii. Meningkatkan keyakinan berkomunikasi dalam bahasa Arab
- iii. Membina kemahiran pembentangan
- iv. Mengembangkan kemahiran penulisan asas

Kandungan Kursus:

- i. Teknik komunikasi akademik
- ii. Pembentangan dalam bahasa Arab
- iii. Penulisan akademik asas
- iv. Perbincangan akademik

10.2 Kursus Pengkhususan

a) BAK3113: Bahasa Arab untuk Pengajian Al-Quran dan Hadis

Objektif Kursus:

- i. Memahami bahasa al-Quran dan hadis
- ii. Menganalisis struktur linguistik teks wahyu
- iii. Menguasai istilah khusus dalam pengajian al-Quran dan hadis
- iv. Mengaplikasi kaedah tafsir dan syarah hadis

Kandungan Kursus:

- i. Analisis linguistik al-Quran
- ii. Metodologi memahami hadis
- iii. Istilah-istilah khusus dalam Ulum Al-Quran
- iv. Kaedah pentafsiran dan penjelasan

b) BAK3123: Bahasa Arab untuk Fikah dan Usul

Objektif Kursus:

- i. Menguasai terminologi fikah dan usul
- ii. Memahami teks perundangan Islam
- iii. Menganalisis kitab-kitab fikah klasik
- iv. Mengaplikasi kaedah penyelidikan hukum

Kandungan Kursus:

- i. Terminologi fikah dan usul
- ii. Analisis teks perundangan Islam
- iii. Kaedah pembacaan kitab fikah
- iv. Metodologi penyelidikan hukum

10.3 *Kursus Lanjutan*

a) BAK3313: Penulisan Akademik Arab Lanjutan

Objektif Kursus:

- i. Menghasilkan penulisan akademik berkualiti
- ii. Menguasai gaya penulisan ilmiah
- iii. Mengaplikasi metodologi penyelidikan
- iv. Membina kemahiran dokumentasi akademik

Kandungan Kursus:

- i. Teknik penulisan akademik lanjutan
- ii. Metodologi penyelidikan dalam bahasa Arab
- iii. Penulisan dan penyuntingan tesis
- iv. Dokumentasi dan rujukan akademik

b) BAK3323: Analisis Teks Klasik Islam

Objektif Kursus:

- i. Menganalisis teks-teks klasik
- ii. Memahami metodologi ulama silam
- iii. Mengkaji perkembangan pemikiran Islam
- iv. Mengaplikasi kaedah analisis kritikal

Kandungan Kursus:

- i. Metodologi analisis teks klasik
- ii. Kajian manuskrip Arab
- iii. Perkembangan pemikiran Islam
- iv. Analisis kritikal teks turas

10.4 *Kursus Aplikasi Profesional*

a) BAK3413: Bahasa Arab untuk Dakwah dan Komunikasi

Objektif Kursus:

- i. Mengembangkan kemahiran komunikasi dakwah
- ii. Menguasai teknik penyampaian
- iii. Memahami konteks budaya Arab-Islam
- iv. Mengaplikasi strategi komunikasi berkesan

Kandungan Kursus:

- i. Teknik komunikasi dakwah
- ii. Retorik dan pengucapan awam
- iii. Penulisan untuk media dakwah
- iv. Strategi komunikasi antara budaya

b) BAK3423: Bahasa Arab untuk Penyelidikan Islam Kontemporari

Objektif Kursus:

- i. Menjalankan penyelidikan dalam bahasa Arab
- ii. Menganalisis isu-isu kontemporari
- iii. Menghasilkan penulisan akademik berkualiti
- iv. Membentangkan hasil penyelidikan

Kandungan Kursus:

- i. Metodologi penyelidikan kontemporari
- ii. Analisis isu-isu semasa
- iii. Penulisan laporan penyelidikan
- iv. Pembentangan hasil kajian

10.5 Kursus Elektif

a) BAK3513: Bahasa Arab untuk Kewangan Islam

Objektif Kursus:

- i. Memahami terminologi kewangan Islam
- ii. Menganalisis dokumen kewangan Arab
- iii. Menguasai komunikasi dalam sektor kewangan
- iv. Mengaplikasi konsep muamalat

Kandungan Kursus:

- i. Terminologi kewangan Islam
- ii. Analisis dokumen perbankan
- iii. Komunikasi profesional kewangan
- iv. Aplikasi konsep muamalat

b) BAK3523: Bahasa Arab untuk Media dan Teknologi

Objektif Kursus:

- i. Menguasai bahasa media Arab
- ii. Menggunakan teknologi dalam pembelajaran
- iii. Menghasilkan kandungan digital
- iv. Mengaplikasi kemahiran media baharu

Kandungan Kursus:

- i. Bahasa media Arab
- ii. Teknologi pembelajaran bahasa
- iii. Penghasilan kandungan digital
- iv. Aplikasi media baharu

11. Dapatan Kajian

Kajian ini mendapati bahawa Pengajaran Bahasa Arab untuk Tujuan Khusus (ASP) memberi impak yang signifikan dalam meningkatkan pemahaman pelajar terhadap sumber utama pengajian Islam seperti al-Quran, hadis dan teks klasik. Pelajar yang mengikuti ASP menunjukkan peningkatan ketara dalam kemahiran menganalisis teks berbahasa Arab dengan lebih mendalam dan tepat. Selain itu, penguasaan istilah teknikal dalam bidang seperti fikah, usul dan tafsir turut dipertingkatkan, membolehkan pelajar memahami dan menerapkan konsep-konsep tersebut dalam konteks akademik dan profesional (Usmanova, 2023).

Walaupun begitu, kajian ini juga mengenal pasti beberapa cabaran dalam pelaksanaan ASP, termasuk kepelbagaian tahap kemahiran pelajar (Baştürkmen & Bocanegra-Valle, 2018). Jurang besar dalam penguasaan bahasa Arab antara pelajar menyukarkan penyampaian kurikulum secara seragam. Di samping itu, kekangan institusi seperti sumber kewangan yang terhad, nisbah pensyarah-pelajar yang tinggi, dan kekurangan bahan pengajaran yang khusus untuk konteks tempatan Malaysia turut membatasi keberkesanan program ini (Arif & Zaman, 2024). Cabaran lain termasuk kurangnya integrasi teknologi moden dalam proses pengajaran, yang menyukarkan pelajar untuk memanfaatkan sepenuhnya bahan pembelajaran digital.

Kajian juga menunjukkan bahawa keberkesanan ASP dipengaruhi oleh kompetensi tenaga pengajar (Norton, 2018). Tenaga pengajar yang berkemahiran dalam pedagogi bahasa khusus dan penguasaan teknologi terkini mampu meningkatkan motivasi dan keterlibatan pelajar. Tambahan pula, integrasi teknologi seperti aplikasi interaktif dan bahan pembelajaran dalam talian dapat menjadikan pengalaman pembelajaran lebih menarik dan berkesan (Baharum et al., 2023). Walau bagaimanapun, terdapat keperluan mendesak untuk melatih tenaga pengajar secara lebih menyeluruh bagi memastikan mereka bersedia menghadapi cabaran pelaksanaan ASP dalam era digital ini.

Akhir sekali, dapatan kajian ini menegaskan bahawa program ASP memberikan manfaat yang ketara dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan. Pelajar yang mengikuti program ini dilaporkan lebih bersedia untuk memasuki pasaran kerja global, terutamanya dalam sektor seperti diplomasi, perbankan Islam, dan media Islam. Keupayaan mereka untuk menggunakan bahasa Arab secara profesional dan akademik memberi nilai tambah yang membolehkan mereka bersaing dalam persekitaran pekerjaan yang semakin mencabar (Simonsen, 2022). Justeru, penguatan ASP dalam kurikulum pengajian Islam adalah kritikal untuk memastikan graduan yang dihasilkan berkualiti tinggi dan relevan dengan keperluan industri.

12. Penutup

Sebagai kesimpulannya, pendekatan pengajaran Bahasa Arab untuk Tujuan Khusus (ASP) merupakan keperluan yang kritikal dalam meningkatkan kualiti pengajian Islam di IPT terutamanya di Malaysia. Kajian ini telah menunjukkan bahawa ASP bukan sahaja penting untuk meningkatkan kecekapan bahasa pelajar, tetapi juga berperanan sebagai pemangkin dalam pembangunan modal insan yang berkualiti dalam bidang pengajian Islam. Melalui analisis komprehensif terhadap keperluan, cabaran, dan impak pengajaran ASP, kajian ini mendapati bahawa kejayaan pelaksanaan ASP bergantung kepada tiga faktor utama: pembangunan kurikulum yang responsif terhadap keperluan industri dan akademik, peningkatan kompetensi tenaga pengajar, dan penyediaan infrastruktur serta sumber pembelajaran yang mencukupi. Untuk memastikan keberkesanan ASP pada masa hadapan, institusi pengajian tinggi perlu memberi tumpuan kepada penambahbaikan berterusan dalam aspek pedagogi, teknologi, dan pembangunan profesional, sambil mengekalkan keseimbangan antara tuntutan akademik dan keperluan pasaran kerja. Hanya melalui pendekatan yang holistik dan strategik ini, ASP dapat terus berkembang sebagai medium yang berkesan dalam melahirkan graduan pengajian Islam yang berkualiti dan berdaya saing di peringkat global.

Rujukan

- Abdul Rahman Chik, & Tg. Ainul Farha Tg. Abdul Rahman. (2012). An Evaluation Study on ASP Textbook 'Advanced Media Arabic.' *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 66, 223–231. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.11.264>
- Arif, M., & Zaman, U. (2024). CHALLENGES IN ENGLISH FOR SPECIFIC PURPOSES (ESP) TEACHING MATERIALS: A SYSTEMATIC REVIEW FOR MODERN LEARNING ENVIRONMENTS Digital Technologies in Education Learner-Centered Design Cultural Inclusivity Systematic Literature Review (SLR). *International Journal of Arts and Social Science*, 1(1), 8–18.
- Baharum, A. S., Abas, U. H., Mat Ali, A. A., Mohd Sabri, M. N., Abdul Rahman, M. H., & Yazid, M. S. (2023). Platform bahan pembelajaran Bahasa Arab Interaktif dalam proses P&P: Kajian Awal Keperluan di USIM. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 5(1), 17–28. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/22157>
- Basturkmen, H. (2010). Developing Courses in English for Specific Purposes. In *Angewandte Chemie International Edition*, 6(11), 951–952. PALGRAVE MACMILLAN.
- Baştürkmen, H., & Bocanegra-Valle, A. (2018). Materials Design Processes, Beliefs and Practices of Experienced ESP Teachers in University Settings in Spain. *Key Issues in English for Specific Purposes in Higher Education*, 11, 13–27. https://doi.org/10.1007/978-3-319-70214-8_2
- Bloch, J. (2013). Technology and ESP. In *The Handbook of English for Specific Purposes* (pp. 385–401). John Wiley & Sons. <https://doi.org/10.1002/9781118339855.ch20>
- Kenny, N., Işık-Taş, E. E., & Jian, H. (2020). *English for Specific Purposes Instruction and Research: Current Practices, Challenges and Innovations*. Palgrave Macmillan. <https://doi.org/10.1007/978-3-030-32914-3>
- Kisno Umbar, Zulkifli, & Maswani. (2024). Current Trends in Language for Specific Purposes Research and Their Relevance to Arabic for Specific Purposes (ASP): A Systematic Literature Review. *International Journal of Religion*, 5(5), 1097–1112. <https://doi.org/10.61707/rhfvk271>
- Matukhin, D. L., & Gorkaltseva, E. N. (2015). Teaching foreign language for specific purposes in terms of professional competency development. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(1), 525–531. <https://doi.org/10.5901/mjss.2015.v6n1p525>
- Mauidlotun Nisa, & Syamsul Arifin. (2020). Bahasa Arab untuk Tujuan Khusus di Indonesia dan Malaysia: Tinjauan Normatif dan Empiris. *Buletin Al-Turas*, 26(1), 37–53. <https://doi.org/10.15408/bat.v26i1.13303>
- Md Noor, R., Abd Rahim, R. A., Abd Majid, M. K., Ali, A. K., Abdul Kadir, N. A., Syed Jaafar, S. M. J., & Yusoff, N. (2014). Peranan Institut Pengajian Tinggi Islam Dalam Pembangunan Modal Insan Di Malaysia : Satu Analisis. *Jurnal Kemanusiaan*, 22, 1–20.
- Najib, M. J., Kirembwe, R. A. H., Zainur Rijal, A. R., & Lubna, A. R. (2014). The attitude and motivation levels among institutes of higher education students towards teaching module of Arabic for Tourism, Sikap dan motivasi pelajar IPT terhadap modul pengajaran bahasa arab pelancongan. *Global Journal Al-Thaqafah*, 4(2), 79–88. <http://www.scopus.com/inward/record.url?eid=2-s2.0-84920948170&partnerID=MN8TOARS>
- Norton, J. (2018). Lesson Study in Higher Education: A Collaborative Vehicle for Professional Learning and Practice Development of Teachers of English for Specific Purposes. *Key Issues in English for Specific Purposes in Higher Education*, 11, 95–109. https://doi.org/10.1007/978-3-319-70214-8_6
- Simonsen, R. (2022). How to maximize language learners' career readiness. *Language Teaching*, 55(2), 156–162. <https://doi.org/10.1017/S0261444821000227>
- Soleh Sabu'iy. (2020). Ta'lim al-Lughah al-Arabiyyah li al-Natiqin bi ghairiha li aghradh khassah : Dawa'ih wa ususuhi Jami'ah al-Sultan al-Syarif Ali al-Islamiyyah namuzajan. *Majallah Lisaniyyat Al-Lughah Al-Arabiyyah Wa Adabuha*, 4, 40–54.
- Su Tsu Ting. (2022). Tasmim manhaj li Ta'lim al-Lughah al-Arabiyyah li aghradh tijariyyah khassah fi al-Shin. *Al-Majallah Al-Ilmiyyah Li Kulliyat Al-Adab Jami'at Assiut*, 81, 59–118.
- Usmanova, D. (2023). Developing professional communicative competence in teaching foreign language. *Society and Innovations*, 11, 234–211. <https://inscience.uz/index.php/socinov/index%0ADeveloping>